



MAJLIS AGAMA ISLAM 'ADAT MELAYU PERAK

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan (PKK) untuk Kerja-Kerja Pembaikan Pejabat Pentadbiran MAIPk Lenggong seperti berikut:

Bil	No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Syarat	Tarikh Tutup Sebut Harga
1.	MAIPK/BKP/K/SH/405/2025	PEROLEHAN BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN PEJABAT PENTADBIRAN MAIPk LENGGONG	Bumiputera Berdaftar Dengan CIDB Gred G1 Pengkhususan: B04 Berdaftar Dengan Pusat Khidmat Kontraktor	Tarikh : 19/11/2025 Hari : Rabu Jam : 12.00 PM

2. Setiap wakil hanya dibenarkan mewakili satu (1) penyebut harga sahaja. Sijil Pendaftaran Asal CIDB dan PKK beserta satu (1) salinan sijil tersebut dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang sijil) hendaklah dikemukakan semasa pembelian dokumen sebut harga.

3. **WAJIB menghadiri taklimat / lawatan tapak pada hari Isnin, 17 November 2025, Jam 2.30 petang di Pejabat MAIPk Daerah Lenggong**, hanya pihak syarikat/ pembekal yang menghadiri taklimat/ lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli dokumen sebut harga. Segala urusan pertanyaan mengenai sebut harga tersebut boleh dibuat melalui talian **05-208 4000** pada waktu urusan pejabat **Isnin - Jumaat** antara jam **8.00 pagi – 4.00 petang**.

4. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi dengan membuat bayaran berjumlah **RM30.00 senaskah** kepada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak secara Tunai/ Cek/ Bank Draf/ Kad Kredit/ Kad Debit boleh dilaksanakan di Kaunter Kutipan di Tingkat 1, Kaunter Hasil (Bayaran Zakat), Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak. Dokumen Sebut Harga akan diserahkan kepada pihak Syarikat / Wakil setelah pembayaran dilaksanakan.

5. Dokumen sebut harga yang telah diisi lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat bersaiz A4 dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di **Tingkat 1, Kaunter Hasil (Bayaran Zakat), Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak** pada hari **Rabu, 19 November 2025 Jam 12.00 tengah hari**.

6. MAIPk tidak terikat kepada sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.

7. MAIPk tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan atau pun masalah lain di pihak syarikat/ pembekal sekiranya tidak dapat mengemukakan dokumen sebut harga pada tempoh masa yang ditetapkan.

8. Dokumen sebut harga yang lewat diterima oleh MAIPk tidak layak dipertimbangkan dan sebarang kesilapan dalam pengisian dokumen juga tidak akan dilayan.

9. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.

TARIKH DIKLANKAN : 11 NOVEMBER 2025